

## **Pendidikan Kerohanian dalam Teks Khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya**

### *Spiritual Education in the Text of The Friday Sermon Haji Musa Haji Yahya*

**Shahnun binti Haji Musa<sup>1</sup> & Burhan Che Daud<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding author) Faculty of Language Studies and Human Development, University Malaysia Kelantan, Locked Bag 01, 16300, Malaysia, e-mail: shahnunmusa70@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Language Studies and Human Development, University Malaysia Kelantan, Locked Bag 01, 16300, Malaysia, e-mail: burhan@umk.edu.my

#### **ABSTRAK**

Pelbagai kaedah, pendekatan dan strategi boleh dilaksanakan dalam pendidikan Islam. Khutbah Jumaat merupakan salah satu strategi yang berkesan untuk pendidikan umat Islam. Bahan dan isi khutbah Jumaat adalah yang bersesuaian untuk matlamat dakwah dan pendidikan meliputi pemantapan akidah, pemurnian ibadah dan pelebaran ukhuwwah. Kajian ini bertujuan menonjolkan bahawa terdapat strategi pendidikan dalam teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya. Oleh yang demikian, artikel ini membincangkan tentang aspek-aspek pendidikan kerohanian dalam teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan data kajian diperolehi secara dokumentasi daripada 94 teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya. Hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat aspek-aspek pendidikan kerohanian melalui pendekatan tazkiyah al-nafs dalam penyampaian khutbah beliau. Justeru penekanan pendidikan kerohanian sebegini perlu dilestarikan dalam penyampaian khutbah Jumaat agar tercapai matlamat pendidikan baik kepada muslim secara individu mahupun secara kelompok.

**Kata Kunci:** Pendidikan; Kerohanian; Khutbah Jumaat; Haji Musa Haji Yahya

---

#### **ABSTRACT**

*Various methods, approaches and strategies can be implemented in Islamic education. Friday sermon is one of the effective strategies for educating the Muslims. The material and content of the Friday sermon are suitable for the purpose of da'wah and education, including strengthening 'akidah, improving ways of worshipping and expanding brotherhood. Therefore, this article discusses the aspects of spiritual education in the text of sermon by Haji Musa Haji Yahya. The study was conducted qualitatively with research data obtained by documentation from 94 texts of the Friday sermon of Haji Musa Haji Yahya. The results show that there are aspects of spiritual education*

*through the approach of tazkiyah al-nafs in the delivery of his sermon. Therefore, the emphasis on such spiritual education must be maintained in the delivery of Friday sermon in order to achieve the goal of education both for Muslims individually and in groups.*

**Keywords:** Education; Spiritul; Friday sermon; Haji Musa Haji Yahya

---

## 1. Pendahuluan

Hari Jumaat merupakan hari istimewa bagi kaum muslimin. Salah satu keistimewaan dan keagungannya adalah pada hari Jumaat disyariatkan solat Jumaat yang didahului dengan khutbah Jumaat. Menurut terminologi Islam, khutbah Jumaat ialah pidato yang disampaikan oleh seseorang khatib di hadapan jemaah sebelum solat Jumaat dilaksanakan dengan syarat-syarat dan rukun-rukun tertentu, baik berupa *tazkirah* (peringatan), *mau'izah* (pengajaran) ataupun *tausiyah* (nasihat). (Al-Rumi, 2015 )

Khutbah Jumaat merupakan salah satu wasilah dakwah ke jalan Allah SWT dan wasilah pendidikan ummah yang terpenting. Sebagaimana dilihat para nabi alaihissalam menjadikan khutbah sebagai satu cara utama dalam menyampaikan dakwah dan menyeru kaum mereka beriman kepada Allah dan ketaatan kepada-Nya serta memperingatkan tentang ancaman kemurkaan dan azab Allah yang dahsyat. (Muzhir, 2000) Khutbah Jumaat juga menjadi asas kekuatan umat Islam dalam memahami dan menghayati ajaran Islam. Makna-makna yang terkandung dapat meresap masuk ke dalam jiwa pendengar-pendengar pada saat mereka menumpukan perhatian kepada Allah dan menerima pesanan-pesanan-Nya. (Bakar, 2012)

Berdasarkan pengertian dan kepentingan khutbah Jumaat, khutbah yang menjadi sebahagian daripada solat Jumaat memerlukan persiapan yang lebih matang, penguasaan bahan dan metodologi yang mampu memikat perhatian jemaah. Kandungan khutbah yang berkaitan hendaklah menanamkan sifat-sifat takwa yang meliputi pemantapan akidah, pemurnian ibadah dan perluaskan ukhuwwah, mengkaji masalah dan keperluan dengan cermat dan singkat, mengutamakan tajuk-tajuk lokal dan menjauhi tajuk-tajuk yang boleh menimbulkan konflik dalam kalangan jemaah. (Al-Rumi, 2015 ). Dalam konteks pelaksanaan khutbah Jumaat di negara kita secara umumnya, Nor Raudah Siren (2009) menyatakan bahawa teks khutbah disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Negeri untuk dibaca oleh khatib atau khatib sendiri yang menuliskannya. Terdapat khatib yang memilih untuk menulis sendiri teks supaya lebih menepati dengan keperluan semasa.

Kajian ini bertujuan menganalisis konsep pendidikan kerohanian dalam teks khutbah Jumaat yang telah ditulis oleh Haji Musa bin Haji Yahya. Beliau telah menulis sendiri teks khutbah supaya khutbah yang beliau sampaikan itu

bersesuaian dengan suasana dan keperluan semasa para jemaah. (Mokhtar Lotfi, 2016).

Haji Musa bin Haji Yahya bin Haji Abdul Samad dilahirkan pada 5 Februari 1927, di Kampung Pangkal Gong, Pulau Chondong, Machang Kelantan. Beliau memulakan pengajian di Mekah al-Mukarramah bermula usia 8 dengan mengikuti kelas pengajian al-Quran. Selain daripada mengikuti pengajian dengan menyertai halaqah-halaqah di masjidil Haram dan di rumah-rumah guru termasuklah rumah Syeikh Muhammad al-Maliki, beliau juga belajar di pusat pengajian Darul ‘Ulum Al-Diniah, Makkah yang terletak di Suuq Lail. Antara guru-guru beliau ialah Syeikh Nuh Jamaludiin al-Kelantani, iaitu seorang guru al-Quran terkenal di Mekah pada masa itu. Antara guru-guru beliau di Masjidil haram ialah Syeikh Muhammad Al-Arabi, Syeikh Sayid Mohd Amin al-Kutubi dan Syeikh Hasan Al-Yamani. Antara kitab yang dipelajari secara talaqqi ialah Kitab al-Muwatta’, Tafsir al-Nasafi dan Tafsir Ibnu Kathir. Setelah tamat pengajian sijil tertinggi di Darul ‘Ulum al-Diniah dengan mendapat as-Syahadah a-Nihayah Darul ‘Ulum Makkah, beliau ditawarkan mengajar di pusat pengajian tersebut bermula tahun 1947 sehingga tahun 1954. Setelah 27 tahun berada di Mekah, beliau kembali ke tanah air dan bertugas sebagai seorang guru agama di beberapa buah sekolah SMU sehinggalah berakhir di SMU Maahad Muhammadi Lilbanin, Pengkalan Chepa. Beliau bersara pada tahun 1986.

Beliau terkenal dengan sebagai seorang ulama yang dihormati dan disegani dengan sifat warak, tegas dan zuhud. Ulama yang sezaman dengan beliau ialah, Tuan Guru Haji Hashim (Pondok Pasir Tumboh), Tuan Guru Haji Abdullah (Pondok Lubuk Tapah) dan Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Pondok Sungai Durian). Beliau telah disenaraikan salah seorang ulama di dalam 100 Tokoh Guru Maahad Muhammadi. (Muhammad Yunan, 2015) Sementara itu beliau telah ditugaskan sebagai imam muda Masjid Mukim Kota bermula tahun 1985 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2000.

## **2. Sorotan Literatur**

Berdasarkan beberapa kajian lepas, didapati bahawa Khutbah Jumaat merupakan salah satu platform dakwah, pendidikan dan penyampaian ilmu, pesanan dan peringatan berkaitan agama dan kehidupan yang berterusan kepada para muslimin. Walaubagaimanapun terdapat pelbagai bentuk penerimaan jemaah terhadap khutbah dan pengaruh keberkesannya kepada jemaah. Sebagaimana kajian oleh (Kamsani, 2021) hasil daripada analisa kandungan teks khutbah Jumaat terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) mencatatkan bahawa dua sebab utama khutbah Jumaat yang dibaca gagal menarik perhatian pendengar ialah isi kandungan teks dan cara penyampaiannya. Isi kandungan khutbah yang berkesan adalah

mengemukakan isu-isu yang dekat dengan kehidupan jemaah atau sesuatu kejadian yang berlaku dalam masa terdekat dengan khutbah yang disampaikan.

Manakala kajian (Ghazali DS. & Zaharah H.) memaparkan bahawa keberkesanan dan penyampaian khutbah Jumaat di beberapa buah masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada pada tahap sederhana. Kajian ini mencadangkan agar isi kandungan khutbah Jumaat perlu dikemaskini mengikut permasalahan setempat dan mengelak daripada menyentuh isu-isu kontroversi dan menimbulkan polemik dalam kalangan jemaah. Berbeza dengan dapatan kajian (KU Abdul Muhaimin & Mirwanee Y, 2021), menunjukkan bahawa penyampaian khutbah Jumaat di Masjid Universiti Naradhiwas berada pada tahap berkesan dalam kelima-lima aspek iaitu mendengar, memahami isi kandungan, memahami bahasa yang digunakan, mengamal dan menyebarkan pengajaran daripada kandungan khutbah Jumaat. Kajian daripada (Mohd Hilmi B., Fatimah T., Roosdi S. & Nor Raihan AB., 2013) berkaitan keberkesanan khutbah sebagai komunikasi dakwah dengan menjalankan analisis kandungan teks khutbah Jumaat (JAKIM) mendapati bahawa keberkesanan penyampaian mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa dan pemilihan topik yang bersesuaian dengan pelbagai latar belakang jemaah. Isu dan persoalan yang dikemukakan tidak berkaitan dengan pendengar boleh menyebabkan mereka tidak fokus dan hilang minat terhadap khutbah disampaikan.

Sementara kajian (Wan Ismail W.A., Mohtar Lotfi M., Syed Hadzrullathfi S.O., Mohd Muhiden A.R. & Mohd alwee J., 2018) berkaitan dengan pengaruh metod penulisan khutbah terhadap keberkesanannya, dengan merujuk kepada teks khutbah yang ditulis sendiri oleh seorang khatib, Haji Musa Haji Yahya. Khutbah yang ditulis oleh beliau adalah menepati metod Khutbah Rasulullah SAW iaitu khutbah yang ringkas, fokus kepada satu persoalan yang jelas, penggunaan masdar (sumber) al-Quran dan al-Hadis serta mengutamakan sunat-sunat khutbah.

Daripada kajian-kajian lepas di atas didapati bahawa isi kandungan yang menarik dan bersesuaian dengan persoalan semasa sangat mempengaruhi keberkesanan penyampaian khutbah Jumaat. Kajian berkaitan teks khutbah tertumpu kepada peranan sebagai komunikasi dakwah, penggunaan bahasa dan strategi penyampaian. Justeru kajian terhadap teks khutbah Jumaat juga perlu dikaji dari segi peranannya sebagai komunikasi pendidikan kerohanian kepada para jemaah, termasuklah teks khutbah Jumaat Haji Musa Haj Yahya.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan secara kualitatif, kaedah yang digunakan ialah analisis kandungan terhadap teks khutbah Jumaat yang ditulis oleh Haji Musa Haji Yahya. Kajian ini menganalisis aspek-aspek pendidikan kerohanian di dalam teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya. Sebanyak 94 teks yang ditulis

sepanjang tahun 1985 hingga tahun 1989 telah dijadikan bahan analisis. Dapatan kajian artikel ini akan dapat menjelaskan aspek-aspek pendidikan kerohanian yang terkandung dalam teks khutbah Jumaat sebagai salah satu strategi pendidikan Islam.

#### 4. Dapatan Kajian

Pendidikan kerohanian dalam teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya adalah berdasarkan pendekatan tazkiyah al-nafs. Hasil penelitian bahawa pendidikan kerohanian yang diberi perhatian dalam penyampaian khutbah Haji Musa Haji Yahya adalah terdiri daripada aspek-aspek berikut;

Jadual 1: Pendidikan Kerohanian Dalam Teks Khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya Berdasarkan Aspek-Aspek Pendidikan Kerohanian (Syed Qutb, 1993)

| Bil | Aspek-Aspek Pendidikan Kerohanian (Qutb, 1993)  | Teks Khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya |
|-----|---|--|
| 1   | Membina kepekaan jiwa kepada seluruh kejadian ciptaan Allah SWT supaya sentiasa merasai kewujudan Allah dan kekuasaan-Nya yang mutlak tanpa terbatas. | 8 Januari 1988                           |
| 2   | Membina kepekaan jiwa terhadap pemerhatian Allah SWT yang berterusan terhadap dirinya.  | 31 Januari 1986<br>13 Januari 1989       |
| 3   | Membina hati yang mempunyai sifat takwa, merasai pemerhatian Allah dalam setiap amalan, pemikiran dan perasaannya.                                    | 3 Mei 1985<br>21 Mac 1986                |
| 4   | Membina hati yang mencintai Allah SWT dan sentiasa berusaha mendapat keredhaan-Nya.   | 28 Jun 1985                              |
| 5   | Membangkitkan perasaan yang tenang dengan ketentuan Allah SWT di ketika susah dan senang, redha dan pasrah dengan qadha dan qadar-Nya.                | 30 Januari 1987                          |

#### 5. Perbincangan

##### 5.1 Pendidikan Kerohanian

Berdasarkan Psikologi Islam, manusia dijadikan dalam dua komponen yang saling berkait antara satu sama lain, iaitu komponen jasmani dan rohani. (Sham F.M., Hamjah S.H., Ismail A & Ismail M, August 2015) Aspek rohani pula terbentuk daripada gabungan empat dimensi iaitu hati, jiwa, roh dan akal, yang merupakan komponen dalaman yang mempengaruhi manifestasi komponen luaran (jasmani) yang menjadi ciri-ciri personaliti seseorang individu. (Sham F.M., Hamjah S.H. & Sharifudin M.J., 2013) (Ishak Khairon, 2021) Mengikut al-Qardhawi, komponen rohani ini mempunyai kaitan dengan keagamaan (Een Nurhasanah, Uah Maspuroh & Rina Marlina, 2021) dan mengikut Kamus

Dewan, kerohanian bermaksud perihal rohani, ciri-ciri rohani, rohaniah. (Dewan, 1996) Perkataan kerohanian disebut juga sebagai spiritual oleh para sarjana mutakhir. (Azlisham A.A., Mohd Nor M., Daud M.S., Syarifah F.S.A. & Mohd Norazmi S., 2021 ) Sementara (Mahmud, 1992) menegaskan bahawa manusia terdiri dari tiga komponen utama iaitu komponen jasmani, rohani dan akal, yang mana setiap komponen ini mempunyai tuntutan keperluannya yang tersendiri. Kewujudan komponen rohani ini berbeza dengan komponen jasmani dan akal, yang mana komponen rohani ini merupakan yang tidak dilihat dengan mata kasar seperti komponen jasmani serta juga tidak dapat diukur perkembangan dan peningkatannya sebagaimana komponen akal. Hakikat kejadian dan keadaan komponen rohani ini hanya diketahui oleh Allah SWT sebagaimana dalam firman-Nya:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ۝

Terjemahan: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: “Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”. (al-Isrā’, 17:85).

Ketiga-tiga komponen diri manusia perlu kepada pembaikan, pembangunan dan pendidikan berterusan. Komponen rohani perlu kepada hidayah dan perkara-perkara yang boleh memberi ketenangan termasuklah patuh kepada suruhan Allah SWT. Sementara (Rohana, Kamarudzaman & Rodziah, 2010) menjelaskan bahawa komponen yang paling utama dan personaliti sebenar manusia adalah berteraskan kerohanian atau spiritual. Justeru pendidikan kerohanian perlu diutamakan berbanding pendidikan intelektual dan pendidikan jasmani. (Langgulung, 1987) Begitu juga pandangan Al-Attas, bahawa kerohanian atau spiritualiti adalah asas kepada perubahan diri seseorang. (Wan Mohd Nor, 2013)

Pendidikan kerohanian adalah satu usaha untuk membimbing, meningkatkan, melengkapkan dan menyucikan hati untuk dekat dengan Allah SWT. (Mohamed Erihadiana, Supiana, 2021). Ia juga sebagai satu proses pembinaan berterusan untuk memperkembangkan potensi rohani seseorang ke arah pembentukan peribadi yang mulia, mempunyai sifat terpuji serta bertingkah laku yang bermanfaat untuk dirinya dan masyarakat. Berdasarkan (Al-Ghazali, tt), salah satu fungsi pendidikan kerohanian adalah untuk meningkatkan pelaksanaan agama Islam, melestari kesucian jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pendidikan kerohanian juga boleh mempengaruhi pembentukan tingkahlaku seseorang kerana kerohanian menjelaskan hubungan peranan dan kehidupan manusia dengan Allah yang Maha Mencipta, yang mana seluruh tindakan dan tingkahlaku mereka ada nilai dan penilaiannya di akhirat nanti. (Adamu Zakiyu & Abdul Hakim, 2015)

Pendidikan kerohanian juga untuk menyuntik kesejahteraan kerohanian dengan beriman kepada Allah, mendorong kepada melaksanakan peranan sebagai seorang hamba yang melakukan amal soleh dan mendapatkan kehidupan yang baik dan sejahtera. Merujuk kepada ayat 97 Surah al-Nahl;

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٩٧

Terjemahan: Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan. (al-Nahl, 16:97)

Dalam membincangkan ayat ini, (Ibnu Kathir, 2009) menjelaskan bahawa antara janji Allah SWT bagi orang-orang yang mengerjakan amal soleh, yakni mengikut amalan daripada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW dengan hati mereka benar-benar beriman dengan Allah dan Rasul-Nya mendapat kehidupan yang baik di dunia dan balasan baik terhadap amalannya di akhirat kelak.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pendidikan kerohanian adalah segala usaha dan tindakan yang dilakukan secara terancang untuk membina, meningkat dan menjaga keadaan rohani seseorang terhadap nilai-nilai dan ajaran Islam yang berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Pendidikan kerohanian yang berkesan boleh membentuk diri individu yang beriman, bertingkah laku mulia dan beramal soleh serta bermanfaat untuk diri sendiri dan masyarakat untuk mendapat kebaikan hidup di dunia dan ganjaran kebaikan di akhirat kelak.

## 5.2 *Konsep Pendidikan Kerohanian*

Pendidikan kerohanian pada asasnya adalah sangat penting untuk menjaga dan meningkatkan martabat manusia, mempunyai hubungan dengan Allah SWT, merasai kewujudan-Nya, mengetahui nikmat-nikmat kurniaan-Nya dan meneliti keesaan dan kekuasaan Allah. Melaluinya manusia berusaha menjaga kerohaniannya untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat sebagaimana pendidikan ini akan memberi kesan kepada mengakui kewujudan Allah, mencintai-Nya serta redha dengan qadha' dan qadar. Pendidikan kerohanian secara umumnya mengajak manusia kepada beriman kepada Allah SWT, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab-kitab-Nya, beriman kepada rasul-rasul-Nya, beriman kepada hari akhirat serta beriman kepada qadha dan qadar Allah SWT.

Dalam menjelaskan pendidikan kerohanian, (Qutb, 1993) menyatakan bahawa matlamatnya adalah untuk membina hubungan yang berterusan antara jiwa manusia dengan Allah SWT, dalam setiap detik, amalan, pemikiran dan perasaan. Antara aspek-aspek tumpuan dalam pendidikan kerohanian adalah;

- a) Membina kepekaan jiwa kepada seluruh kejadian ciptaan Allah SWT supaya sentiasa merasai kewujudan Allah dan kekuasaan-Nya yang mutlak tanpa terbatas.
- b) Membina kepekaan jiwa terhadap pemerhatian Allah SWT yang berterusan terhadap dirinya.
- c) Membina hati yang mempunyai sifat takwa, merasai pemerhatian Allah dalam setiap amalan, pemikiran dan perasaannya.
- d) Membina hati yang mencintai Allah SWT dan sentiasa berusaha mendapat keredhaan-Nya.
- e) Membangkitkan perasaan yang tenang dengan ketentuan Allah SWT di ketika susah dan senang, redha dan pasrah dengan qadha dan qadar-Nya.

### **5.3 Pendekatan Pendidikan Kerohanian**

Mengikut (El-Batnani, 2000) terdapat lapan pendekatan pendidikan kerohanian iaitu, *al-'uzlah*, *at-taubah*, *al-tazkiyah*, *al-muhasabah*, *al-muraqabah*, *al-mu'ahadah*, *al-mujahadah* dan *al-mu'aqabah*. Untuk memenuhi kajian ini, penulis menumpukan kepada pendidikan kerohanian dengan menggunakan pendekatan *tazkiyah al-nafs*. *Tazkiyah al-nafs* bermaksud proses pembersihan dan penyuburan jiwa, dengan tujuan menjauhkan anasir-anasir yang boleh melemahkan insaniah manusia dan daripada perkara-perkara yang mengakibatkan kerosakan dan kemunduran. Seterusnya pemupukan anasir-anasir yang boleh meningkatkan insaniah dan perkara-perkara yang boleh mendorong kepada kebaikan, ketamadunan dan kejayaan di dalam kehidupan manusia baik secara individu mahupun bermasyarakat. (al-Kailani, 1995)

Program *tazkiyah* memberi penekanan kepada pembersihan hati dan jiwa, yang bertujuan untuk menghindarkan diri manusia daripada unsur-unsur yang boleh merenggangkan hubungan dengan Tuhannya, di samping memulihkan kembali kekuatan iman yang ada pada diri seseorang. (El-Batnani, 2000) Sementara dalam menjelaskan maksud *tazkiyah al-nafs*, (Malakawi, 2013) menyatakan semua bentuk pembaikan dan dakwah kepada kebaikan, menyuruh kepada makruf, menegakkan keadilan, sumbangan dalam pembangunan masyarakat dan ummah, jihad pada jalan Allah adalah perkara positif, yang mana jika disemai kepada jiwa, boleh menyuci dan membersihkannya serta menjadi pendorong kepada ketakwaan dan kejayaan.



Matlamat utama *tazkiyah* adalah memperbaiki secara menyeluruh termasuklah memperbaiki diri, jiwa, akhlak, akal dan pemikiran serta memperbaiki keluarga, masyarakat, negara, ummah dan insaniah. *Tazkiyah* merupakan proses asasi dalam kehidupan muslim dan ummah yang baik, yang mana *tazkiyah* membantu proses pendidikan individu, masyarakat dan ummah ke arah kehidupan sejahteraan dan bertamadun. (Berghout, 2020). *Tazkiyah al-nafs* merupakan kunci kepada kejayaan dan mengelakkan daripada kerugian yang berlaku di dalam kehidupan individu. Allah SWT telah bersedekah dengan sebelas perkara dalam menyebut tentang hubungan *tazkiyah al-nafs* dan kejayaan, iaitu ayat 1-10 dalam surah as-Shams:

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ١ وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ٢ وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّهَا ٣ وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ٤ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَدَّلَهَا ٥ وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَّهَا ٦ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ٧ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ٨ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ٩ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ١٠

Terjemahan: 1. Demi matahari dan cahayanya di pagi hari, 2. dan bulan apabila mengiringinya, 3. dan siang apabila menampakkannya, 4. dan malam apabila menutupinya, 5. dan langit serta pembinaannya, 6. dan bumi serta penghamparannya, 7. dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), 8. maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. 9. sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, 10. dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya. (al-Shams, 91: 1-10)

Ayat kesembilan *قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا* membawa maksud menyucikan diri dari dosa, membersihkannya dari keburukan (aib) sebaliknya meningkatkannya dengan ketaatan kepada Allah SWT dan meninggikannya dengan ilmu yang bermanfaat dan amal soleh. Mengikuti (Al-Maraghi, 1984) *tazkiyah al-nafs* boleh dilaksanakan melalui amalan yang menjadikan jiwanya bersih, suci, banyak kebaikan dan keberkatan dengan meningkatkan kesempurnaannya dan menjauhkan diri dari kejahatan dan dosa. *Tazkiyah* juga boleh terlaksana melalui pertuturan dan kata-kata tentang kebenaran yang memerangi kejahilan dan kesombongan dari menghalang daripada menerima kebenaran dan mengambil manfaat daripada nasihat dan tazkirah. Konsep *tazkiyah* ialah konsep yang memberi penekanan untuk membersihkan hati dari segala kekotoran batin seperti *riya'*, sombong, takabbur dan lain-lain.

#### 5.4 Pendidikan Kerohanian di dalam Teks Khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya

Analisis konsep pendidikan kerohanian dalam teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya berdasarkan lima aspek pendidikan kerohanian, (Qutb, 1993)

#### **5.4.1 Membina Kepekaan Jiwa kepada Seluruh Kejadian Ciptaan Allah SWT supaya Sentiasa Merasai Kewujudan Allah dan Kekuasaan-Nya yang Mutlak tanpa Terbatas.**

- i. *“Wahai saudara muslimin yang berbahagia, dalam cerita Nabi Adam ini banyak memberi tauladan dan iktibar. Sesiapa yang memahami dan mengambil iktibar dengannya maka betullah perjalanannya, kerana inilah Allah SWT mengarah kepada kita supaya kita mengingatnya. Antara iktibar ujian manusia dengan syaitan dan ujian manusia setengah mereka dengan setengah, dan ini adalah menghendaki daripada setiap manusia yang berakal bahawa berhati-hati dan berjaga setiap masa supaya ia berjaya dalam ujian dan tiada kejayaan melainkan dengan mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya”.* (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Kemuliaan Manusia Terletak Pada ilmu Pengetahuan, 8 Januari 1988)

Petikan teks khutbah di atas membincangkan tentang penelitian kisah berkaitan Nabi Adam A.S. untuk mendapat iktibar dan tauladan dalam menjalani ujian kehidupan. Nabi Adam sebagai manusia pertama ciptaan Allah yang mempunyai kemuliaan dan kedudukan istimewa telah diuji dengan hasutan syaitan. Dari sini boleh difahami akibat daripada melanggar larangan Allah SWT.

Dalam pendidikan kerohanian, alam semesta dan makhluk ciptaan Allah SWT adalah tanda-tanda kebesaran-Nya. Kejadian Nabi Adam A.S. malaikat dan syaitan juga tanda kebesaran Allah. Memahami kejadian alam dan makhluk sebagai tanda kebesaran Allah dijelaskan di dalam Al-Quran. Kepekaan terhadap peristiwa dan kejadian yang berlaku pada alam semesta dan makhluk akan menjadikan manusia sentiasa merasai kewujudan Allah SWT dan kekuasaan-Nya. (Qutb, 1993)

#### **5.4.2 Membina Kepekaan Jiwa Terhadap Pengawasan Allah SWT yang Berterusan Terhadap Dirinya.**

- i. *“Kagum dengan diri sendiri dan dendam dengki dan bermuka-muka, mala petaka akan menimpa dan banyaklah keburukan-keburukan akan timbul dari seseorang itu, antaranya yang pertama: dia menolak kebenaran yang datang dari pihak lain. Kedua; dia akan enggan menerima nasihat orang lain. Ketiga; dia akan berusaha mendahului orang lain walaupun tidak berhak. Keempat; dia tidak sanggup meminta halal sekiranya dia menzalimi orang. Kelima; dia tidak sanggup meminta maaf jika dia bersalah. Keenam; dia tidak sanggup bertanya bila dia jahil. Ketujuh; dia sanggup memperhinkan sesiapa jua. Saudara muslimin yang dihormati, sewajibnya kita berusaha*

*mengubati penyakit takabbur. Dalam usaha mencari ubat, terlebih dahulu kita mesti sedar bahawa kuman-kuman penyakit ini wujud pada kita dan kita sedar bahawa penyakit ini berbahaya seperti yang diterangkan oleh Allah SWT;*

سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۖ

Terjemahan: Aku akan memalingkan orang-orang yang menyombongkan dirinya di muka bumi tanpa alasan yang benar dari tanda-tanda kekuasaan-Ku. (Al-A'raf, 7: 146)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tidak memasuki syurga sesiapa yang ada pada hatinya seberat zarah sifat sombong takabbur”. (Al-Naisaburi, No Hadith: 149) (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Di larang Dari Bersifat Sombong, 31 Januari 1986)

ii. “Di dalam ayat 1-6, surah al-Muthaffifin;

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ۚ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۚ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ۚ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ۚ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ۚ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ۚ

Terjemahan: 1. Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. 2. (iaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain mereka minta dipenuhi, 3. dan apabila mereka menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. 4. Tidaklah orang-orang itu menyangka, bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan, 5. pada suatu hari yang besar, 6. (iaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam? (al-Muthaffifin, 83: 1-6)

*Allah SWT menjelaskan bahawa ada di kalangan manusia orang-orang yang mengurangkan sukatan dan timbangan semasa mereka berjual beli. Sehingga sesetengah mereka telah menggunakan dua penyukat, satu penyukat yang sempurna untuk disukat dengannya semasa membeli barang-barang daripada orang lain. Dan satu lagi penyukat yang kurang untuk disukat dengannya semasa menjual barang-barangnya kepada orang. Maka perbuatan khianat ini sangat dimurkai Allah SWT. Dan Allah SWT menyatakan balasan mereka yang berbuat demikian ialah وَبَيْتٌ bererti neraka atau kecelekaan atau seksa”. (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Jujur Dalam Urusan Jual Beli, 13 Januari 1989)*

Dalam petikan teks khutbah (i), membincangkan ciri-ciri orang yang takabbur dan akibat perbuatannya. Takabbur adalah satu perasaan dan perbuatan menonjolkan kebesaran diri sendiri dan menghina serta memperlekehkan kewibawaan orang lain. Sikap ini berpunca dari hilangnya rasa perhatian Allah SWT dan merupakan satu penyakit hati yang perlu dirawat supaya jiwa dan perasaan kembali bersih. (Noh, 2011) Manakala petikan teks khutbah (ii) pula membincangkan ketidakjujuran penjual dalam urusan jual beli, serta penjelasan kemurkaan Allah SWT terhadap perbuatan khianat mereka.

Amal yang diterima Allah dan manusia bukanlah dengan cara menyombong dan bongkak. Allah hanya memandang orang-orang yang tawadhu di hadapan Allah dan manusia; sehingga Allah memuji sikap lemah lembut terhadap orang-orang mukmin, sebagaimana firman-Nya ketika menjelaskan sifat hamba-hamba-Nya yang ikhlas;

“... mereka pula bersikap lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman dan yang berlaku tegas terhadap orang-orang kafir...” (Al-Maidah 5:54) (Al-Qardhawi, 2007)

Seseorang yang mendidik diri dengan menyedari pengawasan Allah akan sentiasa mengawasi dirinya kerana Allah menjadikannya sentiasa waspada agar tidak melakukan kesalahan dan menjaga diri dari segala sesuatu yang menimbulkan kemarahan Allah SWT. (Mahmud A. A., 2000) Sentiasa merasa bahawa dirinya dalam pengawasan dan pemerhatian Allah SWT sebagaimana firman Allah di dalam (Ghafir 40:44) yang bermaksud:

“.....Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya”.

#### **5.4.3 Membina Hati yang Mempunyai Sifat Takwa, Merasai Pemerhatian Allah dalam Setiap Amalan, Pemikiran dan Perasaannya.**

- i. *“Wahai saudara muslimin, jika kita sanggup keluar dari rumah pagi-pagi hari bagi mencari rezeki untuk mengenyangkan perut, kita sanggup bekerja ke sana ke mari berpuluh-puluh batu untuk mendapat wang ringgit, jika kita sanggup menunggu di pasar atau tempat-tempat permainan dalam masa yang lama, mengapa kita tidak sanggup meluangkan masa sekadar satu jam dengan solat Jumaat untuk mendapatkan kurniaan Allah SWT, untuk mendapat isi fikiran, untuk mendapat hati dan hidayat? Allah SWT menerangkan;*

ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ۙ

Terjemahan: Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. (al-Jumu'ah 62: 9). (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Kefardhuan Solat Jumaat, 3 Mei 1985)

- ii. *“Apabila takwa itu tipis maka ia tidak dapat mengawal anggota-anggotanya dari melakukan penderhakaan kepada Allah SWT. Oleh yang demikian Allah SWT menerangkan di dalam ayat (Fathir 35: 32);*

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۗ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ  
وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ ۖ يُؤْتِنِ اللَّهُ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ۝٣٢

Bermaksud: Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang Kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan diantara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar. (Fathir, 35:32)

*Sungguhpun Allah SWT mengurniakan Kitab (Al-Quran) kepada orang-orang yang Allah SWT pilih dari hamba-hamba-Nya namun terdapat juga golongan ظالِمٌ لِّنَفْسِهِ yang menzalimi diri sendiri. Seperti mana juga terdapat golongan مُّقْتَصِدٌ iaitu sederhana dan golongan سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ yang bersungguh-sungguh mengerjakan kebajikan dan bersih dari kejahatan. Kemudian Allah SWT menerangkan ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ demikian taufiq Allah SWT bagi sesetengah hamba-Nya dengan amal kebajikan memahami al-Quran serta beramal dengannya bersih dari segala kejahatan adalah yang amat besar kerana ianya menghasilkan kemuliaan dan kebahagiaan yang bersih dan kekal.” (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Muslimin Terbahagi Kepada Tiga Golongan, 21 Mac 1986)*

Takwa yang dimaksudkan dalam pendidikan kerohanian mengikut (Subhi, 2009) adalah suci dari kejahatan dan syahwat, mengelak daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah, melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi dari segala larangan-Nya,

Perbincangan dalam petikan teks khutbah (i) dan (ii) adalah berkaitan dengan kesanggupan para muslimin untuk mengerjakan ibadah fardhu, iaitu solat Jumaat dan mengeluarkan zakat. Tuntutan yang paling sederhana dari diri insan muslim ialah melaksanakan fardhu. Memelihara fardhu merupakan satu tingkatan dan hubungan yang sangat rapat antara hati dengan ketakwaan kepada Allah SWT. (Al-Qardhawiy, 2007) Jiwa yang merasakan Allah mengawasinya maka dia akan konsisten pada jalan-Nya, bahagia dalam

mentaati-Nya dan mengharapkan redah dan keampunan-Nya. (Mahmud A. A., 2000)

#### 5.4.3 *Membina Hati yang Mencintai Allah SWT dan Sentiasa Berusaha Mendapat Hidayah dan Keredhaan-Nya*

- i. “Allah menerangkan tiga hikmah zakat, melalui ayat (al-Taubah 9:103);

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ  
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۱۰۳

Terjemahan: Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (al-Taubah 9:103).

*Dari ayat وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا untuk membersihkan dan menambahkan kesuburan dalam diri orang yang mengeluarkan zakat dengan terjadi jiwanya sentiasa mulia, hatinya sentiasa bersyukur dan budi pekerti sentiasa baik dan amalan sentiasa penuh akhirnya menjadi orang yang layak menerima hidayah dan kebahagiaan dunia dan akhirat”. (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Kewajipan Zakat, 28 Jun 1985)*

- ii. “Jika kita memilih fakir yang sombong, maka kita mendapat kemurkaan Allah SWT, jika kita memilih menjadi hamba kaya yang bersyukur kita akan mendapat keredhaan Allah SWT dan jika memilih menjadi hamba kaya yang sombong, akan mendapat kemurkaan Allah SWT. Allah menerangkan bahawa orang yang mengeluarkan zakat patut menerima selawat doa mohon rahmat daripada Nabi; وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ Orang-orang yang mengeluarkan zakat menerima doa daripada malaikat dan orang-orang Islam yang menerima zakat sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan bahawa ada malaikat yang mendoakan orang yang mengeluarkan zakat setiap hari dengan doa yang bermaksud; Wahai Allah, berikan orang-orang yang bersedekah ini gantian kebajikan manakala kebinasaan kepada orang yang kedekut”. (Al-Bukhari, No hadith 1442) (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Kewajipan Zakat, 28 Jun 1985)

Hidayah yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah hidayah taufiq, yang bermaksud petunjuk Allah SWT kepada hati-hati manusia. (al-Damiri, 2017) Hidayah ini hanya milik Allah SWT, merupakan nikmat daripada Allah

SWT yang dikurniakan kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Betapa dalam melaksanakan ketaatan dan amalan, kita perlukan hidayah dan ia tidak akan dapat diperolehi kecuali dengan usaha mendapatkannya sebagaimana firman Allah SWT (At-Taghabun 64:11) yang bermaksud: *“Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah niscaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”*. (As-Samirai, 2013)

Dalam petikan teks khutbah (i) dan (ii) membincangkan mengenai amalan zakat yang dilaksanakan dengan penuh kesedaran sebagai satu tanggungjawab, akan memberi pulangan yang besar kepada pengamalannya termasuklah memperolehi ketenangan, hidayah dan rahmat daripada Allah SWT. Seseorang yang beriman kepada Allah, akan meningkatkan darjah ketakwaan kepada-Nya serta bersedia menerima segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan itu dia mendapat taufiq-Nya di dalam segala urusan. (Mahmud A. A., 2000)

#### **5.4.4 Membangkitkan Perasaan yang Tenang dengan Ketentuan Allah SWT Ketika Susah dan Senang, Redha dan Pasrah dengan Qadha dan Qadar-Nya**

- i. *“Seseorang manusia apabila dia melihat pelbagai kelebihan terdapat bagi seorang manusia yang lain serta mendapati dirinya kurang dari sekumpulan daripadanya atau kurang dari kebanyakannya daripadanya, menyebabkan hatinya terasa sakit dan terharu. Dan jika seseorang beri'tikad bahawa dirinya lebih patut mendapat nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada orang lain. Maka ini adalah juga penentangan atas Allah dan kritik nikmatnya”*. (Haji Musa, Khutbah Jumaat: Dilarang Dari Sifat Berdengki, 30 Januari 1987)

Dalam petikan teks khutbah (i), perbincangan adalah berkisar kepada sikap manusia yang tidak bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan kepadanya. Sebaliknya merasa tidak senang hati dengan melihat nikmat dan kurniaan Allah SWT kepada orang lain lebih baik dan merasakan dirinya berada dalam kekurangan. Mereka merasa tidak seronok bahkan merasa susah hati dengan apa yang dikurniakan Allah kepadanya.

Kurniaan kepada seseorang adalah mengikut qadar dan qadha Allah SWT. Apa yang berlaku dan didapati dalam kehidupan ini telah ditentukan oleh Allah SWT, termasuklah penentuan rezeki. (Subhi, 2009) Antara maksud kerelaan atas qadha dan qadar Allah SWT ialah tidak membenci suatu hal yang terjadi pada diri seseorang kerana telah menjadi qadha dan qadar Allah. (Mahmud A. A., 2000) Hakikat kerelaan terhadap Allah SWT sebagaimana di dalam firman-Nya (At-Taubah 9: 62) yang bermaksud;

*“..... padahal Allah dan Rasul-Nya itulah yang lebih patut mereka cari keredhaannya jika mereka adalah orang-orang yang beriman.”*

## **6. Kesimpulan**

Tulisan ini telah memaparkan khutbah Jumaat sebagai salah satu platform pendidikan kerohanian kepada masyarakat muslim terutamanya kepada para jemaah solat Jumaat. Pendidikan kerohanian dengan pendekatan *tazkiyah al-nafs* yang diterapkan melalui khutbah Jumaat boleh membimbing pembersihan hati, menguatkan hubungan dengan Allah SWT, seterusnya memantapkan keimanan pada diri seseorang. Penerapan *Tazkiyah al-nafs* dalam teks khutbah juga merupakan bimbingan kunci kejayaan dan ketakwaan serta mengelakkan daripada kerugian dan kerosakan yang berlaku dalam kehidupan individu dan ummah.

Tumpuan kajian adalah menganalisis aspek pendidikan kerohanian yang diterapkan dalam teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya. Hasil penelitian didapati penerapan pendidikan kerohanian dalam teks khutbah beliau melalui penjelasan ibrah daripada kisah Nabi Adam A.S yang diuji dengan hasutan syaitan serta akibat daripada melanggar larangan Allah SWT. Penelitian daripada kisah ini sebagai tanda kepekaan terhadap kejadian Allah dan merasai kewujudan-Nya. Jemaah Jumaat diseru membersihkan diri daripada sifat angkuh, sombong, menunjuk-nunjuk dan mengkagumi diri sendiri dalam usaha membina jiwa yang peka kepada pengawasan Allah SWT yang berterusan. Dalam merasai pengawasan Allah SWT, jemaah juga diingatkan supaya sentiasa menjauhi sifat ketidakjujuran termasuklah ketidakjujuran dalam urusan perniagaan. Begitu juga jemaah dibimbing dengan pembentukan hati yang bertakwa, melalui seruan berusaha melaksanakan suruhan Allah SWT serta menghindari daripada sifat yang boleh mengikis sifat takwa seperti dengki dan dendam. Selain itu, jemaah diingatkan dengan berusaha untuk mendapat peningkatan hidayah taufiq melalui perlaksanaan ibadah fardhu dan redha dengan qadha dan qadar Allah.

Semoga tulisan ini boleh memberi manfaat secara amnya kepada kaum muslimin sebagai panduan dalam meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan sebagai panduan penerapan pendidikan kerohanian melalui khutbah Jumaat khususnya kepada para khatib. Kajian terhadap teks khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya perlu diteruskan penelitian berkaitan aspek pendidikan ibadah dan pendidikan akhlak.



## Rujukan

- Adamu Zakiyu & Abdul Hakim. (2015). The effects of Spirituality in Shaping The Human Behaviour (An Islamic Perspective). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 1-13.
- Al-Bukhari, I. A. (No hadith 1442). *Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Damiri, A. (2017). *Makna al-Hidayah*. alukah.net.
- Al-Ghazali, A. H. (tt). *Ihya' Ulumuddin*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Arabiyyah.
- al-Kailani, M. A. (1995). *Manahij al-Tarbiyah al-Islamiah wa la-Marbun al-'Amilun fiha*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Maraghi, A. M. (1984). *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Turas al-Adabi.
- Al-Naisaburi, I. A.-H.-Q. (No Hadith: 149). *Sohih Muslim*. Beirut : dar Kutub al-Ilmiah.
- Al-Qardhawi, Y. (2007). *12 Peribadi Cemerlang Ibadurrahman*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Al-Rumi, S. J. (2015 ). *Fikah Hari Jumaat; Hebatnya Kemuliaan, Keagungan dan Fadhillat Hari Jumaat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- As-Samirai, H. a.-D. (2013). *Hajatuna ilal Hidayah*. alukah.net.
- Azlisham A.A., Mohd Nor M., Daud M.S., Syarifah F.S.A. & Mohd Norazmi S. (2021 ). Analysis of Literature Review on Spiritual Concepts according to The Perspective of The Al-Quran, hadith and Islamic Scholars. *Turkish journal of Computer and Mathematics Education*, 3152-3159.
- Bakar, S. A. (2012). *Khutbah Jumaat Multimedia*. studentrepo.um.edu.my.
- Berghout, A. A. (2020). Significance of Purification in Human Education According to Islamic Civilisational Vision. *Jurnal Usuluddin*, 227-252.
- Dewan, K. (1996). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Een Nurhasanah, Uah Maspuroh & Rina Marlina. (2021). ARifin C Noor's Drama "Matahari di Seduah Jalan Kecil" As A Media For Literature Learning in Senior High School: A Study of the Structure And Psychological Value. *Psychology and Education*, 11315-11328.
- El-Batnani, L. M. (2000). *Peranan Sufi Dalam Gerakan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Ghazali DS. & Zaharah H. (n.d.). *Keberkesanan Penyampaian Khutbah Jumaat di Beberapa Buah Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. researchbate.net.
- Haji Musa, H. Y. (13 Januari 1989). *Khutbah Jumaat: Jujur Dalam Urusan Jual Beli*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (1989). *Khutbah Jumaat*.
- Haji Musa, H. Y. (21 Mac 1986). *Khutbah Jumaat: Muslimin Terbahagi Kepada Tiga Golongan*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (28 Jun 1985). *Khutbah Jumaat: Kewajipan Zakat*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (3 Mei 1985). *Khutbah Jumaat: Kefardhuan Solat Jumaat*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (30 Januari 1987). *Khutbah Jumaat: Dilarang Dari Sifat Berdengki*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (31 Januari 1986). *Khutbah Jumaat: Di larang Dari Bersifat Sombong*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (8 Januari 1988). *Khutbah Jumaat: Kemuliaan Manusia Terletak Pada ilmu Pengetahuan*. Tidak diterbitkan.
- Haji Musa, H. Y. (9 Ogos 1985). *Khutbah Jumaat: Berbelanja Pada Jalan Allah SWT*. Tidak diterbitkan.
- Ibnu Kathir, I. b.-Q.-D. (2009). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyadh: noor.book.com.
- Ishak Khairon, K. A. (2021). Thrust of Faith and Manifestatiins to Faith According to The Quran and Hadith: A Study of Content Analysis. *PalArch's Journal of Archeology of Egypt / Egyptology*, 295-314.

- Kamsani, M. S. (2021). Tinjauan Analisa Kandungan Teks Khutbah Jumaat Terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK). *International Conference on Syariah & Law 2021* (pp. 108-120). Online Conference.
- KU Abdul Muhaimin & Mirwanee Y. (2021). Keberkesanan Dalam Penyampaian Khutbah Jumaat di masjid Universiti Naradhiwas. *International Conference on Syariah & Law 2021* (pp. 160-168). KUIS.
- Langgulong, H. (1987). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Mahmud, A. A. (1992). *Tabiyah al-Nasyi'i al-Muslim*. Mansourah: Darul Wafa lil Taba'ah wal Nasyri wal Tauzi'.
- Mahmud, A. A. (2000). *Al-Tarbiyah al-Ruhiah*. Jakarta: Gema Insani.
- Malakawi, F. H. (2013). *Al-Tauhid wa al-Tazkiyah: Mazumah al-Qiami al-'Ulya wal 'Umran*. Kuala Lumpur: al-Maahad al-"Alami lilfikri al-Islami.
- Mohamed Erihadiana, Supiana. (2021). Spritual Intelligence of islamic Education Concepts. *Proceedings of the 5th Asian Education Symposium 2020 (AES 2020)* (pp. 149-152). Atlantis Press SARL.
- Mohd Hilmi B., Fatimah T., Roosdi S. & Nor Raihan AB. (2013). *Keberkesanan Komunikasi Dakwah: Kajian Analisis kandungan Terhadap Teks Khutbah Jumaat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. academia.edu.
- Mokhtar Lotfi, M. (2016). *Tesis; Analisis Metode Penulisan Teks Khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Yunan, H. M. (2015). *100 Tokoh Guru Maahad Muhammadi*. Kota Bharu: Alumni Maahad Muhammadi.
- Muzhir, A. G. (2000). *Khutbah al-Jum'ah wa Dauruha fi Tarbiyah al-Ummah*. Riyadh: Wizarah al-Syuun al-Islamiah wal Auqaf Wal Wakwah wal Irsyad al-Mamlakah as-Saudiyah.
- Noh, A.-S. M. (2011). *Wabak Sepanjang Jalan*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Qutb, M. (1993). *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiah*. Beirut: Darul Syuruq.
- Rohana, Kamarudzaman & Rodziah. (2010). Spiritual Education Development Model. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 1-12.
- Sham F.M., Hamjah S.H. & Sharifudin M.J. (2013). *Personaliti Dari Perspektif Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sham F.M., Hamjah S.H., Ismail A & Ismail M. (August 2015). Education Module for Out-of-Wedlock Pregnant Adolescents. *The Turkish Journal of Educational Technology*.
- Subhi, G. (2009). *Tarbiyah al-Ruhiah fil Islam*. Kuantan: Darul Makmur.
- Wan Ismail W.A., Mohtar Lotfi M., Syed Hadzrullathfi S.O., Mohd Muhiden A.R. & Mohd alwee J. (2018). Metode Penulisan Khutbah Jumaat Haji Musa Haji Yahya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018* (pp. 1337-1344). Kuala Terengganu: UNISZA.
- Wan Mohd Nor, W. D. (2013). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.